

13/07/1999

Merdu pikat pelajar sekolah minati muzik

MESRA ... beberapa pelajar Sekolah Menengah Padang Tembak, Keramat, Kuala Lumpur kelihatan gembira bersama maskot Orkestra Filharmonik Malaysia (MPO) yang bernama Merdu.

Mereka turut meneliti poster yang menunjukkan suasana di Dewan Filharmonik Petronas (DFP), iaitu dewan persembahan orkestra bertaraf dunia.

Dewan itu dibuka secara rasmi oleh penaungnya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 Ogos tahun lalu.

Maskot burung itu diperkenalkan di majlis perasmian program pendidikan dan luaran MPO yang dinamakan Encounter sebagai usaha menarik orang ramai mendekati muzik orkestra.

Program Encounter dilancarkan Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin di DFP, Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Kuala Lumpur, kelmarin.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif DFP, Abdul Hamid Abu Bakar; Pengurus Besar MPO, John Duffy; Pengarah Muzik MPO, Kees Bakels dan konduktor residen MPO, Chean See Ooi.

Program itu bertujuan memberi pengalaman baru dan mendedahkan muzik orkestra di kalangan pelajar, selain menyahut keperluan mempertingkatkan pengetahuan dan penghargaan seni muzik kepada penduduk tempatan.

(END)